

02 OCT 2002

Parlimen-Bahas (Bola)

PENYOKONG K'JAAN TEGUR HISHAMMUDDIN, TEE KIAT KERANA BOLA

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan timbalannya Datuk Ong Tee Kiat hari ini ditegur di Dewan Rakyat kerana gagal "turun padang" menyaksikan perlawanan bola sepak tempatan.

Datuk Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar (BN-Larut) berkata kedua-duanya hanya mengkritik kemerosotan mutu bola sepak skuad kebangsaan sedangkan tidak pernah hadir menyaksikan kejohanan anjuran Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) termasuk perlawanan akhir Piala Malaysia

"Jangan hanya mengkritik tentang mutu bola sepak, turunlah padang untuk memberi sokongan moral kepada pemain," katanya ketika membahaskan Bajet 2003 pada persidangan hari ini.

Beliau turut mempersoalkan ketiadaan Hishammuddin atau Ong di Sukan Asia 2002 di Busan sekarang ini bagi memberikan sokongan moral kepada atlet yang bertanding untuk mengharumkan nama negara.

Kemerosotan mutu pasukan bola sepak negara turut disentuh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2003 pada 20 Sept lepas yang mengaitkan keupayaan pasukan negara dahulu setaraf dengan Korea Selatan serta Jepun tetapi tidak lagi ketika ini.

Raja Ahmad Zainuddin yang juga Naib Presiden FAM turut mempersoalkan jawapan Ong ketika sesi soal jawab semalam yang mendakwa tidak banyak pasukan handal berminat menjemput pasukan Malaysia mengadakan perlawanan disebabkan skuad kebangsaan tidak begitu hebat.

"Tidakkah timbalan menteri sedar bahawa Brazil sebelum beraksi di Piala Dunia telah mengadakan perlawanan dengan skuad kebangsaan dan kita juga pernah beraksi dengan Bahrain, malah kelab ternama Manchester United," katanya.

Beliau berkata ketiadaan semangat dan ketahanan fizikal serta mental pemain merupakan antara punca kemerosotan sukan bola sepak negara,

"Saya ada berbincang dengan bekas pemain negara seperti Datuk Soh Chin Aun yang mengatakan bahawa pemain sekarang tidak ada semangat hendak menang seperti pemain dulu yang cukup malu bila kalah.

"Pemain sekarang tidak ada sikap sedemikian, kecergasan kurang berbanding pemain dahulu yang turun berlatih pukul 5.00 pagi," katanya.

Raja Ahmad Zainuddin berkata negara masih boleh berbangga dengan pemilihan Asia sebagai tuan rumah Piala Dunia 2002 menerusi sentuhan tangan rakyat negara ini apabila Presiden Persekutuan Bola Sepak Asia (AFC) Sultan Ahmad Shah berjaya membawa kejohanan itu ke benua ini.

Pegawai Majlis Sukan Negara juga perlu lebih kerap turun padang untuk mengetahui secara terperinci tentang masalah persatuan-persatuan sukan, katanya.

Beliau menyelar Pesuruhjaya Sukan yang tidak memberikan khidmat sebagai penasihat kepada persatuan-persatuan sukan yang bermasalah di negara ini tetapi sebaliknya banyak bertindak menjatuhkan hukuman.

Raja Ahmad Zainuddin juga meminta pengurusan Stadium Bukit Jalil dan Stadium Merdeka yang belum dibangunkan diserahkan kepada FAM manakala stadium di negeri-negeri diserahkan kepada persatuan bola sepak negeri untuk ditadbir dan diurus dengan lebih cekap.

-- BERNAMA

RZS RZS RON